

21/04/2000

Denda bocor maklumat bank RM3 juta

KUALA LUMPUR, Khamis - Kakitangan institusi perbankan yang didapati bersalah membocorkan maklumat pelanggan boleh didenda sehingga RM3 juta atau dihukum penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman itu diperuntukkan mengikut Seksyen 97 (1) Akta Bank dan Institusi Kewangan (Bafia) yang mewajibkan kakitangan bank menyimpan kerahsiaan maklumat pelanggan.

Peruntukan itu melarang pegawai atau kakitangan mana-mana institusi perbankan berlesen daripada mengemukakan, membuka, menzahirkan, menyiarkan atau mendedahkan sebarang maklumat berhubung hal ehwal dan tatacara akaun pelanggan, kepada mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata Bank Negara memandang serius kes membabitkan pelanggaran peruntukan perahsiaan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar prosedur dan peruntukan ditetapkan.

Beliau memberi penjelasan itu ketika menggulung perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara, hari ini. Ketika perbahasan, beberapa ahli Dewan menimbulkan persoalan itu termasuk Senator Jamilah Ibrahim dan Senator Datuk Ting Check Sii.

Bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan dua bank yang kakitangannya dikatakan membocor maklumat agensi kerajaan Melaka sehingga disiarkan menerusi laman web pembangkang dan kumpulan antikerajaan di Internet.

Berikutan itu kerajaan negeri mengambil tindakan tegas termasuk mengeluarkan deposit agensi berkeajaan daripada bank terbabit.

Shafie berkata, di bawah Seksyen 106 akta berkeajaan, seseorang pengarah, pegawai atau pengawal atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab atau membantu pengurusan institusi melakukan kesalahan itu akan disabitkan kesalahan serupa.

"Bank Negara juga berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas kakitangan peringkat penyeliaan atau pengurusan serta Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah institusi perbankan bagi sebarang pengabaian sehingga berlaku pendedahan maklumat pelanggan yang tidak dibenarkan.

"Garis panduan terperinci mengenai tatacara bagi pengarah, pegawai dan kakitangan di dalam institusi perbankan yang dikenali sebagai BNM/GP7 sudah dikeluarkan Bank Negara.

"Ia menetapkan standard minimum berhubung perilaku pengarah, pegawai dan kakitangan institusi perbankan bagi menjamin integriti dan kredibiliti institusi perbankan," katanya.

Mengenai masalah pengklonan kad mesin juruwang automatik (ATM), Shafie berkata, institusi kewangan diberi tempoh sehingga penghujung Jun depan bagi mematuhi garis panduan mengenai piawai minimum bagi dikeluarkan Bank Negara pada 29 Mac lalu.

Shafie berkata, institusi kewangan terbabit perlu memprogram semula sistem pengkomputeran mereka bagi melindungi pelanggan daripada penipuan serta digesa menarik balik kad ATM yang tidak memiliki ciri keselamatan yang ditetapkan.

"Garis panduan itu memberi penekanan ke atas ciri keselamatan kad ATM dan pengurusan nombor pengenalan peribadi (Pin) yang berkesan, kawalan dalaman bagi operasi ATM dan keperluan memasang kamera litar tertutup," katanya.

Antara langkah keselamatan bagi memerangi pengklonan kad ATM ialah penukaran PIN semua kad ATM dan pemasangan kod pengesahan nilai kad yang merekodkan baki akaun ke atas kad individu setiap kali urus niaga pengeluaran.

Langkah lain ialah pengenalan ciri pepadanan kod bahasa di antara kad ATM dengan kod dalam sistem sebelum wang dikeluarkan, pemasangan kamera di dalam ATM serta kawasan sekeliling, pemasangan penghadang untuk mengelak pengintaian dari bahu dan mengecualikan nombor akaun daripada keratan ATM.

Beliau berkata, institusi kewangan juga perlu mengarah pegawai keselamatan mengawasi kawasan ATM yang disyaki dan menyempurnakan kawalan ke atas pembuangan laporan dan dokumen yang mengandungi butiran pelanggan.

"Orang ramai juga diingatkan berhati-hati ketika menggunakan kemudahan ATM seperti tidak membuang keratan ATM dan berwaspada ketika memasukkan Pin untuk mengelak daripada diintai," katanya.

(END)